

# UNIT 1

## ASPEK TATABAHASA

### PRAKTIS DSKP

# KATA NAMA AM

5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul.

**A**

Soalan 1 - 6

Tandakan (✓) bagi kata nama am yang betul berdasarkan ayat di bawah.

- 1 Setiap petang, Razali dan kawan-kawan bermain \_\_\_\_\_ di padang sekolah yang terletak di pinggir pekan itu.  
ping pong ( ) bola sepak ( ) tenis ( )
- 2 \_\_\_\_\_ merupakan bulan pertama dan biasanya disambut oleh seluruh penduduk dunia sempena Tahun Baharu.  
Januari ( ) Oktober ( ) Mac ( )
- 3 Kebanyakan \_\_\_\_\_ di Kampung Hilir menjual makanan yang halal dan digemari penduduk setempat.  
peneroka ( ) pegawai ( ) penjaja ( )
- 4 Encik Adib menternak ayam-ayamnya dalam sebuah \_\_\_\_\_ yang luas warisan keluarganya.  
kolam ( ) ladang ( ) sangkar ( )
- 5 Majid bercita-cita menjadi seorang \_\_\_\_\_ pakar mata yang disegani di Malaysia.  
askar ( ) doktor ( ) jurutera ( )
- 6 Pelancong dari Jerman itu berasa kekok apabila makan nasi dengan menggunakan \_\_\_\_\_.  
tangan ( ) sudu ( ) pisau ( )